

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

SOALAN :

**YB Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) secara terperinci bagaimanakah wang bantuan khas RM500 juta kepada mangsa banjir di seluruh negara yang diuruskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dibelanjakan; dan
- (b) senaraikan secara terperinci kontraktor-kontraktor yang diberikan tender atau dipilih untuk terlibat dalam melaksanakan tugas-tugas membantu mangsa banjir berserta jumlah nilai setiap kontrak yang diberikan kepada para kontraktor tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Selaku Kerajaan yang prihatin, beberapa bentuk bantuan telah dan sedang diberikan kepada mangsa-mangsa yang terjejas banjir sepertimana tahun-tahun lepas. Bantuan yang diagihkan ini tidak terhad dalam bentuk barangan sahaja malah bantuan kewangan turut diberikan kepada penerima-penerima yang layak. Antara yang telah dan sedang dilaksanakan Kerajaan adalah seperti berikut:

- a) Program pembinaan semula rumah kekal yang diselaraskan oleh Unit Pemulihan Pasca Banjir, Jabatan Perdana Menteri manakala Kementerian Kerja Raya (KKR) bertanggungjawab selaku pelaksana. Jumlah keseluruhan mangsa banjir yang kehilangan tempat tinggal akibat rumah musnah di seluruh negara berjumlah 2,092 keluarga di mana 1,825 daripadanya adalah di negeri Kelantan sahaja. Lain-lain negeri yang merekodkan kemusnahan rumah adalah di Pahang (224 keluarga), Terengganu (17 keluarga) dan Perak (26 keluarga). Sepertimana yang telah diumumkan oleh Kerajaan, 2 model rumah sedang didirikan iaitu jenis bertiang dan jenis rumah atas tanah dengan kos RM48 ribu sebuah dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM174 juta. Bagi pembinaan semula rumah kekal di atas tanah berstatus hak milik, rumah-rumah tersebut akan cuba disiapkan sebelum bulan Ramadhan;

- b) Program pembaikan rumah rosak yang diselaraskan oleh Unit Pemulihan Pasca Banjir, Jabatan Perdana Menteri dan dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Sebanyak 6,693 buah rumah layak untuk menerima bantuan di bawah Program Pembaikan Kerosakan Rumah-Rumah Mangsa Banjir berdasarkan kadar maksimum pembaikan sehingga RM10 ribu seunit. Bantuan pembaikan rumah rosak juga dipanjangkan bagi kes-kes rumah panjang di Sarawak yang mengalami kerosakan akibat banjir. Penilaian dan verifikasi akan dibuat oleh KKLW;

- c) Bagi tujuan meringankan beban mangsa, Kerajaan telah memperuntukkan RM97 juta daripada RM500 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai agihan bantuan wang ihsan RM500. Bantuan wang ihsan ini diagihkan kepada ketua isi rumah yang layak berdasarkan senarai yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi yang berpindah ke pusat pemindahan dan senarai mangsa tidak berpindah ke pusat pemindahan yang dilengkapkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) setelah disahkan Pegawai Daerah.

Baki peruntukan tersebut akan digunakan bagi maksud bantuan ihsan bencana pada masa-masa akan datang.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 450

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

RUJUKAN : 7718

SOALAN:

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) berapakah negara-negara di dunia yang dikecualikan visa untuk melancong ke negara ini; dan

(b) senarai negara-negara yang rakyat Malaysia perlu mendapatkan visa jika ingin melancong ke negara tersebut dan dalam masa yang sama rakyat negara yang mengenakan visa tersebut tidak perlu mendapatkan visa jika ingin melancong ke negara Malaysia.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, terdapat 122 negara yang dikecualikan visa untuk melancong ke negara ini. Walau bagaimanapun, tempoh keberadaan maksimum di Malaysia adalah bergantung kepada negara masing-masing. Pelancong-pelancong boleh merujuk terus kepada mana-mana Pejabat Imigresen untuk mendapatkan maklumat berkaitan permohonan visa atau melayari laman sesawang Jabatan Imigresen Malaysia di alamat www.imi.gov.my.
- b) Senarai negara-negara yang rakyat Malaysia perlu mendapatkan visa jika ingin melancong ke negara tersebut adalah seperti berikut:-

NO.	NEGARA
1	AFGHANISTAN
2	ANGOLA
3	ARMENIA
4	AUSTRALIA
5	AZERBAIJAN
6	BAHRAIN
7	BANGLADESH
8	BELARUS
9	BENIN
10	BHUTAN
11	BOLIVIA
12	BURKINA FASO
13	BURUNDI

NO.	NEGARA
14	CAMERON
15	CANADA
16	CAPE VERDE ISLAND
17	CENTRAL AFRICAN REPUBLIC
18	CHAD
19	CHINA
20	COMORES ISLAND
21	CONGO ISLAND
22	COSTA RICA
23	COTE D'VOIRE
24	DJIBOUTI REPUBLIC
25	DOMINICAN REPUBLIC
26	EQUATORIAL GUINEA
27	ESTONIA
28	ETHIOPIA
29	FRENCH GUINEA
30	FRENCH POLYNESIA
31	FRENCH WEST INDIES
32	GABON
33	GEORGIA
34	GHANA
35	GUINEA (REP)
36	GUINEA-BISSAU
37	GUYANA
38	HAITI
39	INDIA
40	ISRAEL
41	JAPAN
42	JORDAN
43	KAZAKHSTAN

NO.	NEGARA
44	KUWAIT
45	LAOS
46	LATVIA
47	LIBERIA
48	LIBYA
49	LITHUANA
50	MADAGASCAR
51	MALI
52	MAURITANIA
53	MAYOTE
54	MEXICO
55	MOLDAVA (Rep.)
56	MOROCCO
57	MOZAMBIQUE
58	MYANMAR
59	NEPAL
60	NEW CALEDONIA
61	NICARAGUA
62	NIGER
63	OMAN
64	PAKISTAN
65	PANAMA
66	PAPUA NEW GUINEA
67	PARAGUAY
68	PUERTO RICO
69	REUNION
70	RUSSIA
71	RWANDA
72	SAUDI ARABIA
73	TAJIKISTAN

NO.	NEGARA
74	TURKMENISTAN
75	UKRAINE
76	UNITED STATES OF AMERICA
77	UZBEKISTAN
78	VIRGIN ISLANDS
79	YEMEN (P. DEM. REP.)
80	YEMEN ARAB REP.
81	YUGOSLAVIA (SERBIA & MONTENIGA)
82	ZAIRE (Rep. Of)

Manakala, senarai rakyat negara-negara yang tidak perlu mendapatkan visa jika ingin melancong ke Malaysia adalah seperti berikut:-

NO	NEGARA
1	ARMENIA
2	AUSTRALIA
3	AZERBAIJAN
4	BAHRAIN
5	BELARUS
6	BENIN
7	BOLIVIA
8	CANADA
9	CAPE VERDE ISLAND
10	CHAD
11	COSTA RICA
12	DOMINICAN REPUBLIC
13	ESTONIA
14	FRENCH GUINEA
15	FRENCH POLYNESIA
16	FRENCH WEST INDIES

NO	NEGARA
17	GABON
18	GEORGIA
19	GUINEA (REP)
20	GUYANA
21	HAITI
22	JAPAN
23	JORDAN
24	KAZAKHSTAN
25	KUWAIT
26	LAOS
27	LATVIA
28	LIBYA
29	LITHUANA
30	MADAGASCAR
31	MAURITANIA
32	MAYOTE
33	MEXICO
34	MOLDAVA (Rep.)
35	MOROCCO
36	NEW CALEDONIA
37	NICARAGUA
38	OMAN
39	PANAMA
40	PAPUA NEW GUINEA
41	PARAGUAY
42	PUERTO RICO
43	REUNION
44	RUSSIA
45	SAUDI ARABIA
46	TAJIKISTAN
47	TURKMENISTAN
48	UKRAINE
49	UNITED STATES OF AMERICA

NO	NEGARA
50	UZBEKISTAN
51	VIRGIN ISLANDS
52	YEMEN (P. DEM. REP.)
53	YEMEN ARAB REP.
54	ZAIRE (Rep. Of)